



SIARAN AKHBAR

SIDANG MEDIA MENGENAI HARI MENABUNG KEBANGSAAN 2017

"FINANCIALLY LITERATE GENERATION"

3 Rejab 1438 bersamaan dengan 31 Mac 2017

1. Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), telah berkenan mengisytiharkan 28 Mei 2015 sebagai Hari Menabung Kebangsaan yang pertama.
2. Hari Menabung Kebangsaan adalah bertujuan untuk meningkatkan tahap celik kewangan di Negara Brunei Darussalam dengan menggalakkan budaya menabung dan sikap pengurusan wang yang berhemah, dan seterusnya, bagi meningkatkan kesedaran mengenai produk dan perkhidmatan kewangan di negara ini.
3. Tema Hari Menabung Kebangsaan pada tahun ini adalah Generasi Celik Kewangan. Ini adalah sebahagian daripada inisiatif AMBD untuk membangunkan generasi yang celik kewangan dan pandai berdikari dari segi kewangan.
4. AMBD, dengan kerjasama Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Radio Televisyen Brunei, Tabung Amanah Pekerja (TAP), dan agensi-agensi dan institusi-institusi yang berkenaan, akan mengadakan beberapa aktiviti, termasuk jerayawara ke sekolah-sekolah menengah di keempat-empat daerah. Pelbagai aktiviti dan permainan interaktif yang berkaitan dengan pengurusan kewangan dan matawang akan diadakan semasa jerayawara ini.
5. Pada hari Ahad, 30 April 2017, AMBD akan mengadakan *Financial Fun Fair* di Jerudong Park Playground, di mana pelbagai aktiviti kewangan menarik akan diadakan untuk seisi keluarga oleh pihak AMBD, TAP dan institusi-institusi kewangan yang turut serta.
6. Selain daripada itu, pertandingan radio promo bagi penuntut-penuntut sekolah menengah dan video promo bagi orang ramai juga akan turut diadakan. Pertandingan ini akan menggalakkan peningkatan kesedaran kewangan dan seterusnya, para peserta akan dapat menunjukkan kefahaman masing-masing secara kreatif.

7. Satu *Financial Showcase* juga akan diadakan di Airport Mall, pada Hari Sabtu, 20 Mei 2017, dan akan disertai oleh pelbagai institusi-institusi kewangan. Pemenang-pemenang pertandingan radio dan video promo juga akan diumumkan semasa acara ini.
8. Untuk maklumat lanjut mengenai Hari Menabung Kebangsaan 2017, orang ramai boleh melayari laman web AMBD di www.ambd.gov.bn/nsd2017; atau memuat turun AMBD App dari ‘App Store’ atau ‘Google Playstore’; atau mengikuti AMBD di Instagram melalui @autoriti_monetari.

Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Tarikh: 3 Rejab 1438/ 31 Mac 2017

Rujukan : AMBD/R/FCP/NSD2017